



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### **MYMOBIFIX TINGKATKAN KEMAHIRAN INDIVIDU YANG TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19**

---

**KUALA LUMPUR, 15 NOVEMBER 2021** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah berjaya menganjurkan *MyMobiFix Programme: Smartphone Repair and Social Entrepreneurship Bootcamp* bagi meningkatkan kemahiran individu dan komuniti yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Program ini bertujuan menyediakan peserta dengan kemahiran dan pengetahuan khusus keusahawanan dan bidang pembaikan telefon pintar bagi meningkatkan taraf kehidupan melalui peluang pekerjaan dan pendapatan.

Majlis graduasi yang julung kalinya diadakan ini disaksikan oleh Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, menandakan kejayaan fasa pertama projek yang direalisasikan hasil sumbangan berjumlah RM500,000 oleh HSBC Bank Malaysia.

Menurut YB Dato' Sri Adham, “MOSTI yakin selepas majlis graduasi pada hari ini, peserta-peserta ini mempunyai pelbagai potensi, mereka boleh menjadi seorang usahawan, boleh juga bekerja dengan syarikat-syarikat telefon pintar terkemuka. Mereka juga boleh menjadikan perkhidmatan pembaikan telefon pintar secara sambilan.”

Terbahagi kepada tiga fasa, program MyMobiFix melibatkan 170 peserta. Fasa 1 melibatkan 50 orang belia yang dijalankan selama enam hari pada bulan November 2021. Fasa ini melibatkan latihan peringkat asas hingga lanjutan di mana mereka mendapat pengetahuan tentang perisian dan perkakasan telefon bimbit; menukar bahagian dan komponen, membaiki kerosakan perkakasan dan perisian alat canggih.

Majlis graduasi hari ini menandakan berakhirnya program fasa 1 dan membuka laluan kepada 20 belia berprestasi tinggi daripada kumpulan pertama untuk menyertai fasa 2 – iaitu program *Train-the-Trainer* selama tiga hari yang membolehkan mereka menjadi jurulatih *junior* sambil mendalamai pengetahuan perisian dan perkakasan untuk meningkatkan lagi kemahiran teknikal mereka.

Semasa fasa 3, 20 jurulatih *junior* ini kemudiannya akan melatih sejumlah 120 belia daripada empat komuniti PPR dalam bengkel empat hari yang akan mengajar pemberian asas telefon pintar dan cara memulakan dan menjalankan perusahaan dari segi sosial dan alam sekitar.

Sementara itu, Raja Amir Raja Azwa, Ketua Pegawai Eksekutif, HSBC Amanah berkata, “Kemajuan dalam teknologi digital dan COVID-19 dengan pantas mengubah cara kita bekerja dan hidup, serta menjadikan kewangan dan mata pencarian rakyat. Itulah sebabnya kami di HSBC komited untuk membina kemahiran masa depan – untuk pelanggan, pekerja dan orang ramai dalam komuniti yang kami berkhidmat. Perkongsian kami dengan YIM menasarkan pembangunan generasi yang bebas dari segi ekonomi dan keusahawanan yang dilengkapi dengan pelbagai kemahiran yang penting untuk berkembang maju dalam dunia moden.”

MyMobiFix dianjurkan oleh YIM dengan kerjasama U4U dan *Deep Rich Gadget* yang memberi impak yang menggalakkan pendidikan berkualiti inklusif, saksama dan menyokong peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk komuniti terpinggir melalui perkongsian strategik dengan organisasi masyarakat sivil, syarikat, agensi kerajaan dan komuniti tempatan untuk membolehkan impak kolektif.

**[TAMAT]**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

15 November 2021